


Abdullah Munshi mula

B. Minggu m/s 11 21.1.07

mengajar usia 11 tahun

Stamford Raffles memilihnya sebagai jurutulis dan penterjemah ketika di Melaka





Koleksi buku karangan Abdullah Munshi di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka.

USIANYA baru menjangkau 11 tahun tetapi dalam usia muda itu, kepintaran dan banyak ilmunya menyebabkan beliau sudah menjadi guru dan mengajar pelajaran agama kepada askar Islam Melaka yang lebih tua daripada usianya.

Membesar sebagai manusia yang berpengetahuan dan cintakan ilmu, Abdullah Abdul Kadir atau lebih dikenali sebagai 'Abdullah Munshi', kemudian menjadi antara penduduk Melaka yang sangat dihormati dan dikagumi penjajah ketika itu iaitu Inggeris.

Kehadiran Abdullah membuktikan kepada Inggeris bahawa dalam masyarakat Melaka yang dijajah mereka, ada golongan intelek tempatan yang hebat. Daripada Abdullah jugalah kemudian penjajah Inggeris itu berguru mempelajari Bahasa Melayu.

Beliau dilahirkan pada 1796 di Kampung Masjid yang juga disebut orang sebagai Kampung Pali ketika itu. Anak bongsu daripada empat beradik tetapi ketiga-tiga abangnya meninggal dunia ketika kecil iaitu berusia antara setahun hingga tiga tahun.

Keturunannya bermula daripada seorang pemuda Arab Yaman, Syeikh Abdul Kadir yang mengembara dari Tanah Arab sehingga ke Nagor, India Selatan dan berkahwin dengan gadis tempatan serta menetap di tanah asing itu.

Dari situ, lahir datuk Abdullah, Muhammad Ibrahim yang meneruskan tradisi bapanya mengembara sehingga tiba di Melaka dan menetap di negeri itu. Berkahwin dengan gadis dikenali Peri Achi, mereka memperoleh bapa Abdullah, Abdul Kadir.

Abdul Kadir membesar bersama pendidikan yang cukup dalam bidang al-Quran, bahasa Tamil dan Arab serta ilmu kira-kira. Dia kemudian menjadi peniaga di Hulu Melaka di samping mengajar ilmu agama sehingga dipilih menjadi khatib di Kampung Lobok Kepong.

Tahap pengetahuan tinggi hasil tumpuan didikan dalam keluarganya menyebabkan Abdul Kadir dilantik menjadi penulis surat sultan dan mengajar seorang asing, Tuan Marsden berbahasa Melayu. Seterusnya dia menjadi Syahbandar, utusan Inggeris ke negeri Melayu serta juru bahasa dan juru tulis.

Abdul Kadir kemudian mendirikan rumah tangga dua kali dan kali kedua bersama gadis keturunan Hindu dari Kedah, Salamah pada 1794. Hasil perkahwinan itu, Abdul Kadir dikurniakan empat cahaya mata termasuk Abdullah tetapi tiga lagi

anaknya meninggal dunia ketika masih bayi dan pada zaman kanak-kanak.

Walaupun hidup Abdullah ketika kecil sering sakit terutama selepas usianya menjangkau empat bulan, keadaan itu menyebabkan ibunya tidak dapat menyusui bayi itu lalu Abdullah disusui orang lain.

Sewaktu bapanya berniaga di luar negeri, Abdullah dan ibunya tinggal bersama neneknya, Peri Achi. Peri Achi sangat memanjakan Abdullah sehingga menimbulkan kekhuatiran di hati Abdul Kadir.

Bimbang si bapa, Abdullah akan lalai dalam pelajaran tetapi ketika mengingatkan yang keluarga mereka sangat serius dalam menuntut ilmu, gusar di hati sedikit tenang. Tambahan pula ibunya, Peri Achi seorang guru besar di Kampung Pali yang mengajar lebih 200 kanak-kanak menulis dan mengaji al-Quran.

Ibarat 'kuah tempah ke nasi', semangat ciktan ilmu disemai ke dalam jiwa Abdullah sejak kecil. Ketika kanak-kanak lain diberikan pelbagai permainan, Abdullah menerima permainan berupa kalam dan papan tulis.

Adat kanak-kanak, penekanan terlampau terhadap pembelajaran terutama oleh bapanya menyebabkan Abdullah memprotes lantaran dia tidak dapat bermain dan bergembira bersama rakan seusia.

Abdul Kadir sangat tegas dengan anaknya walaupun itulah anak tunggal. Dia tidak memuji Abdullah walaupun kerap berbangga dengan pencapaiannya kerana beranggapan pujian akan merosakkan si anak.

Hasil didikan itu menyebabkan Abdullah



menjadi pintar dan kreatif berbanding kanak-kanak lain. Abdullah cepat matang malah memiliki sikap beridiri sehingga pada usia kanak-kanaknya,

dia sudah menjual layang-layang, melukis, menulis surat dan menyalin al-Quran untuk memperoleh wang.

Gelaran 'Munsiy' yang bermaksud 'guru' sudah diterima ketika dia berusia 11 tahun kerana pada usia muda itu, kepintarannya dan banyak ilmunya menyebabkan dia sudah menjadi guru dan mengajar pelajaran agama kepada askar Islam Melaka.

Abdullah adalah seorang yang gigih belajar. Dia tidak mengira siapa atau mana asal usul gurunya asalkan dia mendapat pengetahuan baru. Paling digemarinya adalah bidang bahasa dan tanpa jemu dia meluaskan pengetahuan mengenai kata dari aspek simpulan, ikatan, rangkai kata, kuasa, tujuan dan ilmu bahasa. Selain bahasa Melayu, turut dipelajarinya bahasa Tamil, Arab dan Inggeris.

Sewaktu Stamford Raffles datang ke Melaka, Abdullah dilantik sebagai juru tulis dan penterjemahnya. Daripada hubungan majikan dan pekerja, akhirnya mereka menjadi sahabat karib.

Nyata sikap rajin dan dedikasi dalam tugas yang terserlah menerusi peribadi Abdullah tidak saja membuatkan Raffles menyenangi tetapi turut membenihkan rasa hormat dan kagum di kalangan Inggeris terhadap anak watan itu. Bagaimanapun, persahabatan itu terputus apabila Raffles berangkat ke Betawi.

Dalam usianya 27 tahun, Abdullah mengajar bahasa Melayu kepada paderi Inggeris, Milne dan beliau mempelajari pula bahasa Inggeris daripada lelaki asing itu. Mengetahui seorang lagi pendatang Barat, Doktor Marrison mengetahui bahasa Cina, Abdullah turut meminta bahasa itu diajarkan kepadanya. Daripada Doktor Marrison jugalah dia meneliti ayat-ayat daripada kitab Injil Matius seterusnya menterjemahkannya dalam bahasa Melayu.

Apabila Kumpulan India Timur mendirikan kolej Anglo-Chinese untuk

FAKTA

Karya Abdullah Munshi

- Syair Singapura Terbakar (1830)
- Kisah Pelayaran Abdullah (1838)
- Hikayat Abdullah (1849)
- Dewa-ul-kulub (1883)
- Kisah Pelayaran Abdullah ke Judah (1920)

mengajar anak Cina, Nasrani dan Melayu membaca serta menulis bahasa Inggeris, Abdullah turut serta menuntut ilmu di pusat pendidikan itu. Malah, dia turut merangsang anak Melayu lain bersama menuntut ilmu.

Meningkat dewasa, Abdullah mendirikan rumah tangga sewaktu berusia 34 tahun dan beberapa tahun kemudian, beliau memperoleh cahaya mata pertama iaitu seorang bayi perempuan.

Selepas Milne meninggal dunia, jawatan lelaki itu sebagai pengetua kolej Anglo-Chinese digantikan dengan Thomsen. Abdullah berkesempatan menjadi pengetua di kolej itu seketika apabila Thomsen menghantar isterinya pulang ke England.

Apabila Singapura dibuka, Abdullah memulakan kehidupan barunya di sana dengan kembali menjadi juru tulis dan juru bahasa Raffles dan meninggalkan anak dan isterinya di Melaka. Setiap enam bulan, beliau akan kembali bertemu keluarganya.

Di Singapura, beliau bertanggungjawab menulis undang-undang Singapura

atas arahan Raffles. Beliau juga diberi tugas untuk mengumpul bahan sastera Melayu lama seperti kitab, hikayat dan syair untuk Raffles membawa pulang bahan itu ke England. Dia juga menjadi guru bahasa Melayu kepada saudagar Inggeris di Singapura.

Ketika di negeri itu juga, Abdullah diserang sejenis penyakit dan terpaksa dibedah oleh doktor Inggeris.

Pengalaman terjadinya kebakaran di Singapura dicatatkan Abdullah dalam karyanya 'Syair Singapura Terbakar'.

Beberapa bulan kemudian, Abdullah kembali ke Melaka dan mengajar bahasa Melayu kepada guru di kolej Anglo-Chinese, Hughes dan Paderi Evans dan seorang Inggeris, Newbold.

Dalam pada itu, Newbold turut mengarahkan Abdullah mengkaji dan menulis adat Cina dan masyarakat Jakun dalam bahasa Inggeris. Tugas itu membawa Abdullah mengembara ke Gunung Pancur bagi melihat dan mengkaji budaya hidup masyarakat Jakun di situ.

Pada 1835, Abdullah menterjemah 'Hikayat Panca Tanderan' yang asalnya berbahasa Hindu dengan judul 'Hikayat Kalilah dan Daminah'. Karja terjemahannya yang lain adalah 'Perhimpunan Saudagar-saudagar'.

Beliau kemudian mengarang kitan 'Dewa ul-Kulun' (Ubat Hati) sebagai pengubat hatinya akibat kematian anaknya, Siti Lela.w

Sewaktu bekerja dengan seorang bangsawan Inggeris, North, Abdullah yang ketika itu berusia 42 tahun mengembara ke Pahang, Terengganu dan Kelantan dan kisah sepanjang perjalanannya dicatatkan dalam 'Kisah Pelayaran Abdullah'.

Ketika diserang demam kepialu, beliau kembali ke pangkuan keluarganya di Melaka tetapi apabila sembuh, isterinya pula meninggal dunia pada 1840. Pulu dengan peristiwa itu, Abdullah menjual rumahnya di Melaka dan terus menetap di Singapura.

Pada tahun itu juga, Abdullah menulis cerita kapal asap bernama 'Sisostis'. Abdullah menyelesaikan 'Hikayat Abdullah' pada 3 Mei 1843. Buku itu bagaimanapun hanya diterbitkan kira-kira 40 tahun selepas kematiannya.

Abdullah meninggal dunia pada 1854 iaitu ketika dalam perjalanan ke Makkah ketika usianya 58 tahun. Kisah perjalanannya ke Makkah dicatatkan dalam 'Kisah Pelayaran Abdullah ke Judah' tetapi tidak dapat disiapkan. Bagaimanapun, kitab itu tetap diterbitkan Balai Pustaka, Jakarta pada 1920.